


**BAB 4 : PETADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU**

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	<b>SK : 7.4 -</b> Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	<b>SP:</b> 7.4.1,7.4.2, 7.4.4, K7.4.8


1. Gambar menunjukkan Dokumen Perjanjian Bangkok 1909M. (m/s 103)



- (a) Mengapakah British berminat untuk meluaskan kuasa ke atas negeri-negeri tersebut ? (6 Markah)
- (b) Setelah Berjaya menguasai negeri Perlis, Kedah, Kelantan , Terengganu dan Johor, British menggabungkan negeri-negeri tersebut sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Terangkan ciri-ciri pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu. (6 Markah)
- (c) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan sebab Raja-raja Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu menolak Perjanjian Bangkok 1909. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	<b>SK : 7.4 -</b> Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	<b>SP:</b> 7.4.1,7.4.2, K7.4.6

2. Rajah berikut berkaitan hubungan British dengan negeri-negeri Melayu pada abad ke-19. (m/s 90-91)



- (a) Apakah faktor yang mendorong perluasan kuasa British di negeri-negeri tersebut. (6 Markah)
- (b) Huraikan kemaraan kuasa Barat yang lain ke negeri-negeri tersebut. (6 Markah)
- (c) Sebagai seorang warganegara yang patriotik, bagaimanakah kita dapat menyekat campur tangan kuasa asing. (8 Markah)

SOALAN ESEI - TINGKATAN 3			
<b>TEMA :</b> Kedatangan Kuasa Asing	<b>TAJUK :</b> Campur Tangan dan Penjajahan Kuasa Barat	<b>SK : 7.4 -</b> Pentadbiran Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu	<b>SP:</b> 7.4.1,7.4.2

3. Kemakmuran dan kekayaan hasil bumi menarik British memperluaskan kuasa di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu.
- (a) Jelaskan jenis-jenis kekayaan hasil bumi tersebut. (6 Markah)
- (b) Bincangkan faktor perluasan kuasa British dari aspek berikut. (8 Markah)
- i. Menghalang Kemasukan Kuasa Barat Lain
  - ii. Menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang
- (c) Pada pengetahuan anda, mengapakah Slogan Beban Orang Putih penting kepada pihak British? (6 Markah)

**PANDUAN PENSKORAN –  
BAB 4 : PETADBIRAN NEGERI-NEGERI MELAYU TIDAK BERSEKUTU**

No. Soalan	Jawapan	Markah
<p><b>1(a)</b></p>	<p><b>Mengapakah British berminat untuk meluaskan kuasa ke atas negeri-negeri tersebut ?</b></p> <p>F1 Kedudukan strategik di laluan perdagangan di antara Siam dan Singapura                      F2 Penting untuk perdagangan British                      F3 Menghalang kemasukan kuasa Barat yang lain                      F4 Kedah dan Perlis kaya dengan hasil pertanian dan penternakan                      F5 Kelantan dan Terengganu makmur dengan kegiatan pembuatan                      F6 Membekalkan barangan dagangan kepada pedagang British di Singapura.                      F7 Menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang                      F8 Membolehkan British mempunyai rangkaian untuk terus berhubung dengan India                      F9 Menjamin kepentingan perdagangan British                      F10 Menjamin keselamatan perdagangan British                      F11 Konsep Beban Orang Putih</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p>	<p style="text-align: right;"><i>(6 markah)</i></p>
<p><b>1(b)</b></p>	<p><b>Setelah Berjaya menguasai negeri Perlis, Kedah, Kelantan , Terengganu dan Johor, British menggabungkan negeri-negeri tersebut sebagai Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu. Terangkan ciri-ciri pentadbiran Negeri-negeri Melayu Bersekutu.</b></p> <p>F1 Kedudukan sultan dikekalkan/tidak berubah                      F2 Sultan kekal sebagai kuasa tertinggi dalam pentadbiran negeri                      F3 Sultan masih mempunyai kuasa dalam hal berkaitan dengan agama Islam dan adat istiadat Melayu                      F4 Kedudukan pembesar kekal walaupun tugas dan peranan mereka perubahan                      F5 Pembesar tidak lagi mengutip cukai                      F6 Pembesar diberi elaun dan pencen                      F7 Sistem pentadbiran tradisional diteruskan                      F8 Sistem Jemaah Menteri dan Majlis Negeri diteruskan                      F9 Peruntukan dalam Undang-undang Tubuh Kerajaan terus dilaksanakan.                      F10 Pembesar Melayu menjadi peneraju sistem pentadbiran negeri                      F11 British membantu dalam pentadbiran dengan meminjamkan pegawai daripada Perkhidmatan Awam Negeri-negeri Melayu Bersekutu/Negeri-negeri Selat                      F12 Negeri anggota dalam Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu mempunyai sistem perkhidmatan awam sendiri                      F13 Kerajaan Kedah membuat perjanjian dengan British bahawa semua jawatan perkhidmatan awam hendaklah diisi oleh pegawai Melayu Kedah                      F14 Birokrasi Barat diperkenalkan                      F15 Dasar Pentadbiran negeri ditentukan oleh Penasihat British                      F16 mengurangkan kuasa sultan dan pembesar                      F17 Jabatan kerajaan yang baru diperkenalkan di setiap negeri                      F18 Pasukan polis ditubuhkan untuk mengawal keamanan</p>	

<p>1(c)</p>	<p>F19 Urusan pentadbiran negeri mula mengamalkan cara Barat                  F20 Mahkamah sivil diperkenalkan                  F21 Pegawai-pegawai British dibawa masuk sebagai pegawai pentadbiran kerajaan.</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p> <p><b>Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, jelaskan sebab Raja-raja Melayu di Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu menolak Perjanjian Bangkok 1909.</b></p> <p>F1 Mereka tidak terlibat dalam perjanjian/rundingan                  F2 Tidak dimaklumkan tentang perjanjian                  F3 Menganggap negeri masing-masing berdaulat/merdeka                  F4 Memelihara Kedaulatan negeri                  F5 Tidak mahu British campur tangan dalam pentadbiran negeri                  F6 Tidak mahu tunduk kepada desakan/tekanan British                  F7 British mengubah keluasan tanah-tanah negeri terbabit                  F8 Persempadanan cara barat bermula dengan perjanjian dan kemudiannya kepada penandaan sempadan berbeza dengan cara persempadanan kerajaan Melayu</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i></p>	<p><b>(6 markah)</b></p> <p><b>(8 markah)</b></p>
-------------	--	---

No. Soalan	Jawapan	Markah
<p>2 (a)</p>	<p><b>Apakah faktor yang mendorong perluasan kuasa British di negeri-negeri tersebut.</b></p> <p>F1 Kedudukan yang strategik                  H1a Penting kepada perdagangan British                  H1b Kelantan dan Terengganu strategik di laluan perdagangan di antara Siam dan Singapura                  F2 Menghalang kemasukan kuasa Barat yang lain                  H2a Penampakan usaha kuasa-kuasa Barat lain untuk campur tangan                  C Seperti Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Rusia.                  F3 Kemakmuran dan kekayaan sumber hasil bumi/hasil alam                  H3a Kedah dan Perlis iaitu hasil pertanian dan penternakan                  H3b menjadi sumber bekalan makanan penduduk di Pulau Pinang yang dikuasai British.                  F4 Menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang                  H4a Berhasrat menghubungkan Burma yang dikuasainya dengan Pulau Pinang dan Singapura.                  H4b Pembinaan jalan raya, kereta api dan telegraf di antara Burma dan Pulau Pinang membolehkan British mempunyai rangkaian terus perhubungan dengan India.                  H4c Penting bagi perdagangan dan keselamatan British.                  F5 Beban orang Putih.                  H5a British mendapati Siam melakukan kekejaman di negeri Perlis/Kedah/Kelantan/Terengganu                  H5b Bagi mewajarkan tindakannya slogan 'Beban Orang Putih'</p>	

<p><b>2 (b)</b></p>	<p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p> <p><b>Huraikan kemaraan kuasa Barat yang lain ke negeri-negeri tersebut.</b></p> <p>F1 Kemaraan kuasa Barat yang ingin menguasai bahan mentah                  F2 Jerman berusaha mendapatkan Pulau Langkawi                  F3 Amerika Syarikat berhasrat meluaskan pengaruhnya di Terengganu                  F4 Perancis berminat meluaskan kuasa ke kawasan Segenting Kra                  F5 Matlamat Perancis ini mengancam perdagangan di Singapura                  F6 Kedudukan Singapura sebagai pelabuhan antarabangsa                  F7 Rusia ingin membuka petempatan di Ujung Salang.</p>	<p><b>(6 markah)</b></p>
<p><b>2 (c)</b></p>	<p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p> <p><b>Sebagai seorang warganegara yang patriotik, bagaimanakah kita dapat menyekat campur tangan kuasa asing.</b></p> <p>F1 Berilmu pengetahuan                  F2 Cinta akan Negara                  F3 Mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat                  F4 Saling hormat-menghormati antara satu sama lain                  F5 Menjaga sensitiviti dalam masyarakat                  F6 Mematuhi pemimpin Negara                  F7 Patuh pada undang-undang Negara                  F8 Menjalinkan hubungan baik dengan Negara jiran                  F9 Berwaspada terhadap anasir luar</p>	<p><b>(6 markah)</b></p>
	<p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i></p>	<p><b>(8 markah)</b></p>

No. Soalan	Jawapan	Markah
<p><b>3 (a)</b></p>	<p><b>Jelaskan jenis-jenis kekayaan hasil bumi tersebut.</b></p> <p>F1 Kedah dan Perlis                  H1a hasil pertanian dan penternakan menjadi sumber bekalan makanan                  H1b memenuhi permintaan penduduk Pulau Pinang yang dikuasai British</p> <p>F2 Kelantan dan Terengganu                  H2a aktiviti pembuatan                  H2b menjadi pembekal pelbagai barang dagangan kepada pedagang Singapura                  H2c seperti pertukangan dan pembinaan kapal menjadi sangat penting</p>	<p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 6 X 1 m)</i></p> <p><b>(6 markah)</b></p>

<p><b>3(b)</b></p>	<p><b>Bincangkan faktor perluasan kuasa British dari aspek berikut.</b></p> <p><b>i. Menghalang Kemasukan Kuasa Barat Lain</b></p> <p>F1 Negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu merupakan penampan usaha kuasa-kuasa Barat lain untuk campur tangan.</p> <p>H1a cuba meluaskan kuasa di sekitar negeri-negeri Melayu utara</p> <p>C1 antara kuasa Barat adalah Perancis, Jerman, Amerika Syarikat dan Rusia</p> <p>F2 British perlu menguasai negeri-negeri ini untuk menghalang kemaraan kuasa Barat tersebut</p> <p>H2a kemaraan kuasa barat yang ingin menguasai bahan mentah mencabar penguasaan British di negeri-negeri Melayu</p> <p>C2 Jerman berusaha untuk mendapatkan Pulau Langkawi</p> <p>C3 Amerika Syarikat berhasrat meluaskan pengaruhnya di Terengganu</p> <p>C4 Perancis berminat meluaskan kuasa ke Kawasan di Segenting Kra</p> <p>C5 Rusia ingin membuka petempatan di Ujung Salang</p> <p>H3a matlamat Perancis ini akan mengancam perdagangan dan kedudukan Singapura sebagai pelabuhan antarabangsa</p> <p><b>ii. Menghubungkan Burma dengan Pulau Pinang</b></p> <p>F3 British berhasrat menghubungkan Burma yang dikuasainya dengan Pulau Pinang dan Singapura</p> <p>H3a sangat penting bagi peradangan dan keselamatan British</p> <p>C6 pembinaan jalan raya, kereta api dan telegraf di antara Burma dan Pulau Pinang</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana 8 X 1 m)</i></p>	<p style="text-align: right;"><b>(8 markah)</b></p>
<p><b>3 ( c)</b></p>	<p><b>Pada pengetahuan am anda, mengapakah Slogan Beban Orang Putih penting kepada pihak British?</b></p> <p>F1 British mendapati Siam melakukan kekejaman di negeri-negeri Perlis, Kedah, Kelantan dan Terengganu</p> <p>F2 Bagi mewajarkan tindakannya, slogan “Beban Orang Putih” digunakan dalam usaha British meluaskan kuasanya</p> <p>F3 Kuasa Barat berhasrat menyebarkan pengaruh dan tamadun mereka ke seberang laut</p> <p>F4 Kuasa Barat menggunakan slogan “Beban Orang Putih”</p> <p>F5 Mereka menggunakan berbagai-bagai slogan untuk mewajarkan tindakan mereka</p> <p>F6 Kuasa Perancis pula menggunakan muslihat “Tugas Menyebarkan Tamadun” kepada penduduk dunia bukan Barat yang dianggap mundur</p> <p>F7 tanggungjawab dan tugas mereka adalah untuk membantu dan memberikan kesejahteraan kepada peribumi di wilayah yang dijajah oleh mereka</p> <p style="text-align: right;"><i>(Mana-mana jawapan munasabah)</i></p>	<p style="text-align: right;"><b>(6 markah)</b></p>